



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

MINIT MESYUARAT

JAWATANKUASA KESELAMATAN JABATAN BILANGAN 1/2023

YANG DIADAKAN PADA HARI KHAMIS

25 MEI 2023 – JAM 9.38 PAGI

BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT FIRUS, ARAS 2,

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

YANG HADIR

- | | |
|---|-------------------------------------|
| 1. Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad | - Datuk Bandar, MBIP (Pengerusi) |
| 2. Puan Hajah Khasanah binti Sufa'at @ Supaat | - Setiausaha, MBIP |
| 2. Puan Zarina binti Haji Mohd. Ali | - Timbalan Setiausaha, MBIP |
| 3. Encik Norazli bin Aziz | - Akauntan, MBIP |
| 4. Sr. Nawal binti Mohd. Khudzairi | - Pegawai Penilaian, MBIP |
| 5. Ts. Rosaidi bin Ibrahim | - Jurutera , MBIP |
| 6. Puan Nurulain binti Rahmat | - Peg. Kesihatan Persekitaran, MBIP |
| 7. Encik Azrullail bin Masijan | - Pegawai Tadbir, MBIP |
| 8. Y.M Raja Abu Bakar bin Raja Yahya | - Pegawai Penguatkuasa, MBIP |
| 9. Encik Shahrulizam bin Abdul Rashid | - Arkitek Landskap, MBIP |
| 10. Puan Fadzilah binti A. Rahim | - Juruaudit, MBIP |
| 11. Puan Nurul Huda binti Sanusi | - Pegawai Undang-undang, MBIP |

YANG TURUT HADIR

- | | | | |
|-----|---------------------------------------|---|---|
| 1. | Ts. Siti Rafidah binti Ariffin | - | Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP |
| 2. | Encik Abdul Razak bin Seman | - | Arkitek, MBIP |
| 3. | Encik Muhammad Zul Asyraf bin Ismail | - | Pegawai Tadbir, MBIP |
| 4. | Encik Muhammad Hairuddin bin Bakrin | - | Pegawai Tadbir, MBIP |
| 5. | Puan Farah Izzati binti Mohd Fuad | - | Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP |
| 6. | Encik Muhamad Nur Amarul bin Samsudin | - | Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP |
| 7. | Puan Huda Madihah binti Pirdaus | - | Pegawai Tadbir, MBIP |
| 8. | Encik Mohamad Hassan bin Kadir | - | Pegawai Perancang Bandar Dan Desa, MBIP |
| 9. | Puan Maziah binti Zainal | - | Penolong Pegawai Senibina, MBIP |
| 10. | Encik Al - Imran bin Ariffin | - | Pereka, MBIP |

URUSETIA

- | | | | |
|----|--|---|-----------------------|
| 1. | Puan Fitri Syahirunnisaa' binti Mansor | - | Pembantu Tadbir, MBIP |
|----|--|---|-----------------------|

YANG TIDAK HADIR

- | | | | |
|----|--|---|---|
| 1. | Puan Hajah Fazliaton binti Mohd Noor | - | Pegawai Tadbir, MBIP |
| 2. | Tpr. Ruzanna binti Mohamed | - | Pegawai Perancang Bandar Dan Desa, MBIP |
| 3. | Ts. Haryanti binti Abdol Rahman | - | Arkitek, MBIP |
| 4. | Y.M Ungku Ahmad bin Ungku Haji Zakaria | - | Pegawai Tadbir, MBIP |
| 5. | Puan Nor Azlin binti Haji Ahmad | - | Pegawai Perancang Bandar Dan Desa, MBIP |
| 6. | Encik Ruziman bin Rahmat | - | Pegawai Tadbir, MBIP |

1.0 PERUTUSAN DATO' Pengerusi

- 1.1** Mesyuarat dimulakan dengan ucapan salam dan selamat sejahtera serta terima kasih kepada sekalian yang hadir pada mesyuarat kali ini.

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BILANGAN 3/2022

- 2.1** Minit Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan Bilangan 3/2022 bertarikh 28 Disember 2022 diterima dan disahkan oleh semua Ahli Mesyuarat.

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT BERDASARKAN MINIT MESYUARAT BILANGAN 3/2022

3.1 PERKARA 3.2 LAPORAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI SEBAGAIMANA KK: JKKJ 3/2022

- 3.1.1 Jabatan Kesihatan Awam** memaklumkan telah mengeluarkan memo bertarikh 2 Januari 2023 mohon penyediaan HIRARC oleh setiap jabatan dan telah menetapkan tempoh untuk penyerahan HIRARC tersebut pada 26 Januari 2023. Walau bagaimanapun untuk Jabatan Kejuruteraan masih belum diterima.

(Tindakan: Jabatan Kejuruteraan)

**3.2 PERKARA 4.0 LAPORAN KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN
DOKUMEN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI SEBAGAIMANA
KK : JKKJ 3/2022(1)**

3.2.1 Bahagian Pentadbiran Am, Jabatan Khidmat Pengurusan, memaklumkan urusan permohonan tersebut adalah bergantung kepada kelulusan pihak Arkib Johor bagi melupus atau memindahkan fail. Walau bagaimanapun, surat songsongan kedua telah dihantar kepada pihak Arkib Johor pada 23 Mei 2023.

(Tindakan: Makluman)

3.2.2 Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Khidmat Pengurusan mengesyorkan agar penyimpanan dokumen di peringkat jabatan dilaksanakan oleh jabatan masing-masing melalui imbasan mesin fotokopi yang sedia ada. Manakala ruangan storan boleh menggunakan awan @ MBIP.

3.2.2.1 Dato' pengerusi telah mencadangkan supaya kawalan bagi kerja lebih masa dilakukan perlu dinyatakan jumlah jam yg diluluskan.

(Tindakan: Makluman)

4.0 LAPORAN KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN DOKUMEN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI SEBAGAIMANA KK : JKKJ 1/2023 (1)

4.1 Encik Muhammad Zul Asyraf bin Ismail, Pegawai Tadbir, MBIP membentangkan Laporan Keselamatan Dan Perlindungan Dokumen di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri daripada bulan Disember 2022 hingga April 2023. Status Penerimaan Dokumen Terperingkat bagi tempoh bulan Disember 2022 sehingga April 2023 adalah 22 unit dokumen sulit diterima. Manakala tiada Pengeluaran Dokumen Terperingkat bagi tempoh bulan Disember 2022 hingga April 2023. Tiada permohonan baharu bagi pelupusan rekod dan dokumen diterima, manakala bilangan perpindahan rekod dan dokumen sebanyak 52 fail masih menunggu kelulusan Arkib Negeri Johor .

4.1.1 Dato' Pengerusi telah mengambil maklum mengenai laporan tersebut.

(Tindakan: Makluman)

4.2 KEPUTUSAN

Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan dan Perlindungan Dokumen bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

5.0 LAPORAN KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN PEJABAT (FIZIKAL)
MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI SEBAGAIMANA KK : JKKJ 1/2023
(2)

5.1 Sr. Nawal binti Mohd. Khudzairi, Pegawai Penilaian, MBIP membentangkan tentang Cadangan Pindaan Kepada Jawatankuasa Tindakan Keselamatan Kebakaran Bangunan Pejabat MBIP, Medini. Setelah mendapat cadangan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam Kursus Keselamatan Kebakaran Pasukan ERT yang telah diadakan 6 Februari 2023 yang lalu, pindaan dilakukan kerana terdapat terlalu ramai wakil Pegawai Insiden Blok/ Tingkat & Di Tempat Berkumpul daripada setiap jabatan. Jabatan Bomba dan Penyelamat telah mencadangkan untuk melantik Pegawai Insiden Blok/ Tingkat & Di Tempat Berkumpul mengikut aras sahaja. Beliau turut memaklumkan bahawa latihan kebakaran "*mock drill*" akan diadakan pada bulan Jun 2023.

5.1.1 Puan Zarina binti Haji Ali, Timbalan Setiausaha, MBIP meminta agar taklimat mengenai laluan kebakaran diberikan pada setiap jabatan sebelum latihan kebakaran "*mock drill*" diadakan.

5.1.2 Puan Nurulain binti Rahmat, Pegawai Kesihatan Persekitaran, MBIP telah mencadangkan agar taklimat mengenai laluan kebakaran diadakan pada perhimpunan pagi supaya dapat disampaikan pada semua kakitangan.

5.1.3 Dato' Pengerusi meminta agar taklimat Pra latihan Kebakaran diadakan pada setiap jabatan. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) dipertanggungjawabkan dalam menyediakan taklimat tersebut. Senarai nama lantikan Pegawai Insiden Blok/ Tingkat & Di Tempat Berkumpul dapat ditambahbaik dengan memasukkan nama kakitangan dari setiap jabatan. Beliau meminta agar taklimat diadakan di setiap jabatan bersama- sama Pegawai Insiden Blok/ Tingkat & Di Tempat Berkumpul berkaitan laluan kebakaran seta tindakan yang perlu dibuat apabila kebakaran berlaku.

**(Tindakan: Jabatan Penilaian dan
Pengurusan Harta, MBIP)**

5.2 KEPUTUSAN

Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan dan Perlindungan Pejabat (Fizikal) bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

6.0 LAPORAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI SEBAGAIMANA KK : JKKJ 1/2023 (3)

6.1 Puan Nurulain binti Rahmat, Pegawai Kesihatan Persekitaran MBIP

membentangkan tentang aktiviti yang telah dijalankan oleh jawatankuasa pada bulan Januari 2023 hingga Mei 2023. Laporan bagi daftar kemalangan di tempat kerja bagi tahun 2022 juga telah dibentangkan, sebanyak empat (4) kes telah dilaporkan ke Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Johor namun hanya satu (1) sahaja laporan JKKP6 telah didaftarkan. Bagi laporan penaksiran risiko HIRARC untuk setiap jabatan/bahagian/unit, pihak Jabatan Kesihatan Awam telah mengadakan *focus group discussion* bersama-sama jabatan yang masih belum menghantar HIRARC untuk melengkapkan HIRARC jabatan masing-masing pada 3 Mei 2023. Namun, Jabatan Kejuruteraan masih gagal menghantar HIRARC yang lengkap pada Jabatan Kesihatan Awam. Bagi Laporan Audit Kendiri Bil 1/2023 (Januari) dan Bil 2/2023 (Mac) , pelaksanaan audit kendiri secara berkala sebanyak empat kali setahun telah diwajibkan bagi setiap jabatan/bahagian/unit dengan tempoh yang diperuntukan bagi menjalankan pengauditan ini adalah selama satu (1) bulan dan setiap pelaporan hendaklah lengkap berserta lampiran bergambar sebagai bukti pengauditan telah dilaksanakan. Pemeriksaan Jentera Gondola oleh Jabatan Keselamatan dan kesihatan negeri Johor telah diadakan pada 12 Januari 2023 dan laporan pemeriksaan boleh dirujuk pada kertas kerja.

6.2 Puan Nurulain binti Rahmat, Pegawai Kesihatan Persekitaran MBIP

mencadangkan supaya Pihak pentadbiran Majlis Bandaraya Iskandar Puteri hendaklah mempertimbangkan pemeriksaan kesihatan oleh Occupational Health Doctor (OHD) bagi pengendali bahan kimia yang terdiri daripada Jabatan Kesihatan Awam 44 orang (unit vektor dan unit zoonosis), Jabatan Kejuruteraan 12 orang (bahagian jalan), Jabatan Landskap 34 orang (tapak semai), dan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta 10 orang (Pembersihan) setahun sekali. Ini adalah kerana, pemeriksaan pengendali bahan kimia secara berkala wajib dilaksanakan mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan 200, Bahagian Pengawasan Kesihatan). Walaubagaimanapun, hasil daripada semakan mendapati pemeriksaan kesihatan oleh OHD masih belum dilaksanakan pada tahun 2023. Sekiranya, pemeriksaan di jalankan pada tahun 2023 sejumlah bajet RM40,000 diperlukan. Sehubungan dengan itu, mohon pertimbangan kelulusan daripada pihak pentadbiran tertinggi untuk memperuntukan RM40,000 untuk dilaksanakan pada tahun ini.

6.3 Puan Nurulain binti Rahmat, Pegawai Kesihatan Persekitaran MBIP

memaklumkan Program Workplace Improvement Needs Analysis (WINA) direncanakan akan dilaksanakan pada Jun hingga Ogos 2023 ini dan tarikh pengauditan adalah pada 7 Jun 2023 (Rabu). Lawatan kerja ke Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah diadakan pada 8 Mac 2023 bagi mempelajari Occupational Safety Health Environment (OSHE) Management System secara digital. Objektif lawatan kerja ini adalah untuk mempelajari perisian (OSHE) Management System yang bakal dibangunkan, pengurusan induk, merekod data, permohonan, notifikasi serta laporan bagi Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Kesihatan Pekerjaan lebih teratur dan sistematik.

6.3.1 Puan Zarina binti Haji Ali, Timbalan Setiausaha MBIP memaklumkan bahawa pembangunan sistem (OSHE) Management System ini tidak dapat untuk dijalankan pada tahun ini berikutan daripada kekangan masa dan peruntukan.

6.3.2 Dato' Pengerusi meminta Jabatan Kesihatan Awam untuk untuk meneliti keperluan maklumat bagi pembangunan sistem (OSHE) Management System ini dan menyediakan data-data bagi pembangunan sistem ini.

(Tindakan: Makluman)

6.4 KEPUTUSAN

Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

**7.0 LAPORAN KESELAMATAN ICT MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
SEBAGAIMANA KK : JKKJ 1/2023 (4)**

7.1 Puan Siti Rafidah binti Ariffin, Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP membentangkan tentang Polisi Internet MBIP dan Tatacara pengguna internet sebagaimana **KK: JKICT 01-01/2023**

7.1.1 Puan Siti Rafidah binti Ariffin, Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP memaklumkan bahawa kakitangan hanya boleh melayari laman rasmi dan yang berkaitan dengan urusan kerja sahaja. Sekatan internet untuk mengakses laman penstriman muzik dan video pada waktu bekerja akan diadakan dan hanya boleh diakses pada waktu rehat dan habis waktu bekerja sahaja.

7.1.2 Dato' Pengerusi menegaskan tentang larangan dan salah laku penggunaan internet di kalangan kakitangan bagi mengelakkan penggodaman laman rasmi MBIP.

7.1.3 Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan ICT sebagaimana KK: JKICT01-01/2023 bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

(Tindakan: Makluman)

7.2 Puan Siti Rafidah binti Ariffin, Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP memaklumkan Garis Panduan Bring Your Own Device (BYOD) sebagaimana **KK: JKICT KK 02-01/2023**.

7.2.1 Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan ICT sebagaimana KK: JKICT02-01/2023 bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

(Tindakan: Makluman)

7.3 Puan Siti Rafidah binti Ariffin, Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP membentangkan Jawatankuasa Keselamatan ICT berkaitan keselamatan Penggunaan *public wifi* sebagaimana **KK : JKICT KK 03-01/2023**.

7.3.1 Dato' Pengerusi meminta untuk diberi pendedahan kepada kakitangan mengenai kesedaran penggunaan *public wifi*.

7.3.2 Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan ICT sebagaimana KK: JKICT03-01/2023 bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

**(Tindakan: Bahagian Teknologi
Maklumat, MBIP)**

7.4 Puan Siti Rafidah binti Ariffin, Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP membentangkan Laporan info Grafik Sebagai Hebahan dan Makluman Asas Kepada Semua Agensi sebagaimana **KK: JKICT KK 04-01/2023**.

7.1.3 Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan ICT sebagaimana KK: JKICT04-01/2023 bersetuju **meluluskan** laporan tersebut

(Tindakan: Makluman)

8.0 HAL-HAL LAIN

8.1 PERMOHONAN PEMASANGAN PENGHAWA DINGIN DI BILIK UTILITI DI BAWAH TEMPAT LETAK KERETA, BANGUNAN MEDINI.

8.1.1 Sr. Nawal binti Mohd. Khudzairi, Pegawai Penilaian, MBIP

memaklumkan terdapat permohonan daripada pihak Jabatan Penguatkuasaan untuk memasang pendingin hawa di bilik utiliti yang terletak di bawah tempat letak kereta. Ruang tersebut dicadang digunakan sebagai stor pasukan gerak bencana. Dari pemerhatian, ruang tersebut tidak sesuai untuk dijadikan ruang pejabat kerana tiada laluan udara dll. Ditakuti akan salah aspek kesihatan dan keselamatan pejabat.

8.1.2 Dato' Pengerusi mencadangkan untuk Jabatan Penguatkuasa menggunakan bangunan di Nusa Bayu kerana bangunan tersebut telah dilengkapi dengan kemudahan air dan elektrik namun tidak digunapakai. Cadangan ini adalah untuk mengelakkan daripada bangunan tersebut dicerobohi oleh orang awam.

(Tindakan: Makluman)

8.2 BEKALAN PAKAIAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN (PPE) YANG MASIH BELUM DITERIMA

8.2.1 Encik Shahrulizam bin Abdul Rashid, Arkitek Landskap, MBIP memaklumkan berkenaan pakaian perlindungan keselamatan (PPE) bagi kakitangan di Unit Tebang Cantas masih belum diterima.

8.2.2 Encik Muhammad Zul Asyraf bin Ismail, Pegawai Tadbir, MBIP memaklumkan bahawa kasut dan seluar bagi Unit Tebang Cantas ada di dalam spesifikasi perolehan tahun ini dan akan diedarkan setelah diterima daripada pembekal.

(Tindakan: Makluman)

9.0 PENUTUP

9.1 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.07 pagi dan ucapan terima kasih daripada Dato' Pengerusi.

Disediakan :



(FITRI SYAHIRUNNISAA' BINTI MANSOR)


Pembantu Tadbir (P/O)

Bahagian Pentadbiran Am

Jabatan Khidmat Pengurusan

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Disemak :




(MUHAMMAD ZUL ASYRAF BIN ISMAIL)

Pegawai Tadbir

b.p. Pengarah Khidmat Pengurusan

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Disahkan :



(DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD)

Pengerusi

Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan Bilangan 3/2022

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Tarikh : **6** Jun 2023